









4th Issue VOLUME 2 : NOVEMBER 2025

# UiTM MUKAH BULLETIN

*Inou Dengah UiTM Mukah?*

4th Issue | Volume 2 | November 2025

# TABLE OF CONTENT


01 From Rector's Desk

02 From Assistant Rector's Desk

03 Chief Editor's Note

04 Editorial Board

05 Highlights

10 News and Articles

43 Congratulations!

72 Thank You

73 Press and Media Coverage

# EDITORIAL BOARD

**Professor Dr. Firdaus Abdullah**
Patron

**Dr. Abdul Jabbar Abdullah**
Advisor

**Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi**
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
**Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph**
**Ms. Cindy Robert**
**Ms. Fakhira Jafri**
**Ms. Shirley Clare Jeri**
**Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari**

**Mr. Shileyiusken Mijen**
Webmaster

**Mrs. Irene Seluroh**
Layout & Design

**Mr. Anas Asrawy Pendapat**
Photographer

**Ms. Nuranissa Mercy Punai**
Internship Trainee

Published by:

**Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus**

eISNN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

# NEWS AND ARTICLES

## "*Summer Bootcamp* Penulisan Artikel Jurnal" dan Lawatan Penanda Aras Akademik PPSPA ke Sabah

**Penulis: Sarah Farhana Zamalik, Ts. Mohd Hafizz Wondi, Siti Nur Atiqah Mohd Shafie, Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip, dan Akmal Shafiq Badarul Azam**

Penerbitan artikel ilmiah merupakan keperluan penting bagi warga akademik dalam memastikan penyebaran ilmu, meningkatkan penarafan universiti serta memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu dan institusi. Namun, cabaran yang sering dihadapi pensyarah ialah bimbingan khusus untuk menghasilkan manuskrip berkualiti mengikut piawaian penerbitan jurnal.



Peserta bergambar di Muzium Marin dan Akuarium, Insititut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah

Sehubungan itu, Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan "*Summer Bootcamp* Penulisan Artikel Jurnal" dan Lawatan Penanda Aras Akademik ke Sabah pada 25 hingga 29 Ogos 2025 yang menghimpunkan pensyarah pelbagai bidang daripada PPSPA dan Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan (PPPP). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi dalam penulisan ilmiah, di samping memberi bimbingan praktikal melalui sesi hands-on dan klinik penulisan.

Menariknya, program ini turut disertakan dengan lawatan penanda aras ke beberapa lokasi strategik di Sabah seperti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu dan Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah bagi merangsang kolaborasi, memperkayakan ilmu serta memberi inspirasi kepada peserta dalam penulisan artikel.




Sesi perkongsian bertajuk *Innovation to Publication* oleh Ts. Dr. Mohamad Izwan Ismail

Secara keseluruhan, inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran penulisan pensyarah, malah berpotensi menyumbang secara langsung kepada pencapaian KPI penerbitan, membina jaringan kerjasama akademik serta memperkukuh kedudukan UiTM sebagai institusi unggul dalam penyelidikan dan inovasi.

Telephone/Fax
**084-876100/084-876300**

Email Address
**korporat_swk@uitm.edu.my**

Website
**https://sarawak.uitm.edu.my/**

Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X
9 772976 257009